

**TATA CARA
TUNTUTAN-TUNTUTAN PEMBELIAN UBAT BAGI PESARA UKM
Di PPUKM**

PENDAHULUAN

Dua kategori persaraan:

- i. PESARA BERPENCEN
- ii. PESARA KWSP

Pesara-pesara (dua-dua kategori) apabila mendapat rawatan dari mana-mana hospital kerajaan termasuk PPUKM, dari preskripsi yang dikeluarkan oleh doktor yang merawat ada sebahagian ubat-ubatan yang tidak diperolehi secara percuma dari farmasi, justeru penjawat terpaksa membeli ubat-ubatan tersebut dari farmasi. Dalam kes ini cara membuat tuntutan:

CARTA ALIR CARA MEMBUAT TUNTUTAN (CONTOH RAWATAN DIPEROLEHI DARI PPUKM)

- a) Dapatkan preskripsi setelah mendapat rawatan doktor
- b) Minta farmasi tandakan di preskripsi tersebut ubatan yang perlu dibeli di farmasi luar
- c) Dapatkan resit pembelian dari farmasi yang berkenaan
- d) Penuhi borang Perubatan 1/09/(T) JPA : Maklumat Tambahan Permohonan Bagi Permohonan Ubat/Alat/Perkhidmatan Perubatan/Rawatan (boleh diperolehi di Kaunter Penerangan aras 1 PPUKM)
- e) Penuhi borang yang berkenaan (jika kurang faham boleh dapatkan bantuan daripada petugas di Kaunter Penerangan)
- f) Kepilkan resit pembelian dengan borang tuntutan
- g) Dapatkan tanda tangan daripada pakar perubatan yang membuat rawatan/Dr. yang merawat pada perkara 18 Bahagian III dan sertakan resit pembelian ubat
- h) Buat salinan untuk diri sendiri
- i) Salinan asal kembalikan kepada petugas di Kaunter Penerangan untuk mendapatkan pengesahan daripada Pengarah PPUKM
- j) Resit Penyerahan akan diberikan kepada pesakit untuk kegunaan mendapatkan kembali borang selepas 5 hari bekerja di Kaunter Penerangan sebagai simpanan
- k) Sebaiknya buat surat lampiran dan nyatakan dengan jelas alamat bayaran perlu dihantar.

Kemana Borang tuntutan yang telah lengkap ini perlu dihantar?

(i) Bagi PESARA BERPENCEN hantarkan terus kepada:

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pasca Perkhidmatan (Pencen)
Aras 2-5, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. Putrajaya
Tel: 03-88854037

Bayaran akan dibuat terus kepada pesakit sepertimana JPA membayar pencen

(ii) Bagi PESARA KWSP pula borang tuntutan yang telah lengkap perlu di hantar kepada:

Bahagian Pentadbiran Am
Jabatan Pendaftar
Universiti kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi
Selangor.

Tel: 03-89213903/89214681

Bayaran akan dibuat oleh pihak UKM kepada pesakit.

KESIMPULAN

- (i) Langkah-langkah di atas bukan sahaja untuk membuat tuntutan ubatan yang perlu dibeli dari farmasi tetapi juga tuntutan bagi rawatan-rawatan lain/pembelian alat/perkhidmatan perubatan/rawatan yang perlu dibayar dahulu oleh pesakit seperti pembedahan dsbnya dengan syarat ianya adalah atas syor bertulis daripada doktor yang merawat/hospital di mana rawatan diperolehi.
- (ii) Rawatan yang diperolehi selain dari PPUKM, tata cara tuntutan lebih kurang sama.